ekuinas

LAPORAN IMPAK **2025**



MENYERAHKAN **BATON,** MENYAMBUNG **LEGASI**



MENYERAHKAN **BATON,** MENYAMBUNG **LEGASI**

Tema "**Menyerahkan Baton, Menyambung Legasi**" mencerminkan peralihan penting bagi Ekuinas, dari aspek kepimpinan, penyelarasan institusi dan momentum baharu. Tema ini merangkumi kedua-dua dimensi insan dan organisasi yang membentuk perjalanan kami. Kami menghargai kepimpinan yang telah membawa kami ke tahap ini, sambil sedia menyambut peluang-peluang baharu.

Di peringkat kepimpinan, tahun 2025 menyaksikan kesinambungan usaha daripada **Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir**, Ketua Pegawai Eksekutif kedua Ekuinas, kepada **Aliff Omar Mohamad Omar**, yang kini menerajui organisasi ke fasa seterusnya. Sepanjang 16 tahun bersama Ekuinas, termasuk sembilan tahun sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Syed Yasir memainkan peranan penting dalam membentuk pertumbuhan organisasi, memperkukuh disiplin pelaburan, memperluas portfolio serta mengukuhkan kedudukan Ekuinas sebagai pelabur ekuiti persendirian yang dihormati dalam landskap pelaburan Malaysia. Aliff Omar kini mengambil alih kepimpinan pada detik yang penting, memimpin Ekuinas melalui peralihan institusi sambil memperkukuh peranannya dalam ekosistem pelaburan negara serta terus mencipta nilai bermakna untuk perniagaan, komuniti dan ekonomi secara keseluruhan.

Di samping kepimpinan, tahun ini turut menandakan satu lagi peralihan institusi yang signifikan. Penyatuan Ekuinas di bawah **Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB)** dan seterusnya **Permodalan Nasional Berhad (PNB)**, bukan sekadar penyusunan semula struktur, bahkan memperkukuh penyelarasan ekosistem pelaburan Malaysia serta menegaskan komitmen bersama untuk memajukan penyertaan ekonomi yang inklusif dan kemakmuran negara jangka panjang.

Tema ini juga diinspirasikan daripada **agenda GEAR-uP** Malaysia dan **prinsip kesinambungan** berpasukan seperti dalam larian berganti-ganti, berteraskan gagasan bahawa kemajuan negara dicapai apabila institusi-institusi, bekerjasama secara tersusun dan berterusan, dengan setiap pihak meneruskan peranan untuk membina pencapaian yang telah diusahakan oleh pihak sebelumnya, seiring dengan tema Laporan Impak 2025 kami, "Menyerahkan Baton, Menyambung Legasi". Dalam semangat ini, segala usaha mencerminkan tujuan bersama, kepercayaan institusi serta kesinambungan legasi, dengan setiap peralihan memperkukuh momentum kolektif pembangunan ekonomi negara.

Falsafah ini dizahirkan melalui **pelupusan pelaburan strategik Ekuinas terhadap Orkim menerusi tawaran awam awal (IPO)** sekali gus menandakan kejayaan penyempurnaan satu fasa penciptaan nilai. Dengan **PNB kini sebagai pemegang saham utama**, Orkim melangkah ke fasa pertumbuhan seterusnya di bawah kepimpinan baharu, mencerminkan kesinambungan peranan dalam usaha memperkukuh pembangunan syarikat. Peralihan ini menunjukkan bagaimana modal strategik, kerjasama dan penyelarasan institusi mampu melonjakkan syarikat Malaysia ke tahap yang lebih tinggi serta memberi impak yang lebih besar.

Akhirnya, tema "**Menyerahkan Baton, Menyambung Legasi**" melambangkan kesinambungan usaha, kepercayaan dan momentum ke hadapan. Ia mencerminkan penghargaan kami terhadap asas yang telah dibina oleh kepimpinan terdahulu, di samping menegaskan komitmen kami untuk meneruskan mandat ini dengan tujuan yang jelas, sinergi institusi yang lebih kukuh serta aspirasi bersama untuk mencipta impak mampan bagi Malaysia.



ekuinas

1

2

MENGENAI EKUINAS

Ekuinas di Tahun 2025	6
Mandat Kami	7
Visi, Misi dan Nilai Kami	8
Peranan Kami	9
Struktur Korporat	11
Maklumat Korporat	12
Struktur Organisasi	13

KEPIMPINAN KAMI

Profil Lembaga Pengarah	16
Komposisi & Keseimbangan Ahli Lembaga Pengarah	25
Profil Pengurusan Kanan	26

ISI KANDUNGAN

3

4

IMPAK & PRESTASI

Mencipta Nilai 32

Penyata Bersama Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif 34

Berita yang Mencerminkan Perjalanan Kami Sepanjang Tahun 2025 50

Sekilas Pandang Tahun 2025 54

Sorotan Kewangan Utama Tahun 2025 55

Sorotan Kewangan Lima Tahun 59

Laporan Prestasi Pelaburan 60

Syarikat Portfolio Sekilas Pandang 67

Portfolio dalam Fokus 68

ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS

Memperkukuh Impak Melalui Pendekatan ESG yang Berdisiplin 74

– Rangka ESG Ekuinas
– Empat Tema dan Sasaran Kelestarian Kami

Alam Sekitar - Memacu Laluan Terukur ke Arah Sifar Bersih 78

ILTIZAM - Menyemai Tujuan, Menggerakkan Tindakan Untuk Impak Sosial 80

– ILTIZAM untuk Keusahawanan
– ILTIZAM untuk Pendidikan
– ILTIZAM untuk Komuniti

Penyata Tadbir Urus Korporat 98

– Laporan Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko
– Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman

BAB 1

MENGENAI EKUINAS

Ekuinas di Tahun 2025	6
Mandat Kami	7
Visi, Misi dan Nilai Kami	8
Peranan Kami	9
Struktur Korporat	11
Maklumat Korporat	12
Struktur Organisasi	13





Ekuinas di Tahun 2025

Tahun 2025 menandakan detik penting transformasi Ekuinas yang merangkumi kepimpinan organisasi, struktur pemilikan serta peranan strategiknya dalam ekosistem pelaburan Malaysia.

Tahun ini menyaksikan beberapa pencapaian utama. Pada Januari 2025, Ekuinas disatukan di bawah **Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB)**, diikuti dengan peralihan sepenuhnya di bawah **Permodalan Nasional Berhad (PNB)** pada bulan Julai. Perubahan ini bukan sekadar penyusunan semula struktur, ia menandakan lembaran baharu bagi Ekuinas yang berteraskan skala, sinergi dan impak jangka panjang.

Peralihan pada tahun 2025 membawa peranan yang lebih besar serta tanggungjawab yang lebih luas. Sebagai sebahagian daripada **ekosistem institusi pelaburan yang lebih menyeluruh**, Ekuinas memperkukuh keupayaannya untuk membawa impak pada skala yang lebih besar, memperdalam kerjasama serta menyumbang dengan lebih bermakna kepada pembangunan negara. Transformasi ini turut memperjelas peranan Ekuinas sebagai institusi pemangkin yang menghubungkan modal, keupayaan dan komuniti.

Selaras dengan **Agenda GEAR-uP** serta aspirasi **Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)**, evolusi Ekuinas pada tahun 2025 meletakkan organisasi ini pada kedudukan yang lebih kukuh untuk memperkasa penyertaan Bumiputera dalam ekonomi, meningkatkan daya tahan perusahaan serta memacu pertumbuhan inklusif. Tahun ini menyediakan asas kepada Ekuinas untuk memainkan peranan yang lebih bersepadu, berpaksikan impak dan bersedia untuk penciptaan nilai yang mampan dan transformatif.

“Tahun ini menyaksikan beberapa pencapaian utama. Pada Januari 2025, Ekuinas disatukan di bawah **Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB)**, diikuti dengan peralihan sepenuhnya di bawah **Permodalan Nasional Berhad (PNB)** pada bulan Julai.”



Mandat Kami



Ekuinas beroperasi dengan **dua mandat**: menghasilkan **pulangan kewangan yang kukuh** serta menjana **impak sosial yang bermakna.**

Mandat ini mencerminkan peranan Ekuinas sebagai institusi pelaburan berteraskan impak yang percaya bahawa prestasi komersial dan kemajuan sosial adalah penting dan saling berkait. Kemampanan kewangan membolehkan impak jangka panjang, manakala kemajuan sosial meningkatkan daya tahan dan keterangkuman perniagaan serta komuniti yang disokong oleh Ekuinas.

Melalui pelaburan berdisiplin, pemilikan aktif dan inisiatif pembangunan ekosistem, Ekuinas berhasrat mencipta nilai yang melangkaui aspek kewangan, dengan memberi penekanan kepada pemerkasaan ekonomi, pembangunan keupayaan dan kemakmuran bersama.

Objektif Kewangan

Memperkukuh penciptaan kekayaan Bumiputera

Objektif Sosial

Memperkasa penyertaan Bumiputera merentasi empat (4) dimensi:

Pemilikan ekuiti

Pengurusan

Pekerjaan

Penciptaan nilai dalam rantaian bekalan

Visi, Misi dan Nilai Kami

Misi, Visi dan Nilai Ekuinas masih kekal dan terus menjadi asas organisasi terhadap tujuan, budaya serta proses dalam membuat keputusan.

Ia menjadi panduan kepada cara Ekuinas melabur, melupuskan pelaburan, bekerjasama dan berinteraksi, memastikan matlamat kekal konsisten sambil mengekalkan fleksibiliti dalam pelaksanaan, seiring dengan evolusi organisasi. Sepanjang tahun peralihan ini, asas-asas yang telah dibina memberikan kesinambungan dan kejelasan, sekali gus mengukuhkan komitmen Ekuinas untuk mencipta impak dengan integriti.

Visi Kami

Menjadi syarikat **pengurusan dana modal persendirian bertaraf dunia**

Misi Kami

Untuk melahirkan generasi syarikat peneraju Malaysia yang baharu, di samping menggalakkan penjanaan kekayaan serta penglibatan Bumiputera dalam ekonomi secara saksama dan mampan berlandaskan prinsip-prinsip mesra pasaran, merit dan ketelusan.

Nilai Kami

Didorong Berteraskan Komersial
Kami mengamalkan disiplin komersial yang tinggi untuk mewujudkan nilai.

Berprestasi Tinggi
Kami sentiasa berusaha untuk menjangkau sasaran.

Berdasarkan Merit
Kami mengiktiraf dan memberi ganjaran berdasarkan prestasi.

Berfokus
Kami sentiasa fokus terhadap pencapaian objektif strategik kami.

Bersemangat
Kami didorong oleh semangat untuk menyampaikan hasil yang cemerlang dan menjangkau jangkaan.

Kerendahan Hati
Kami berpegang teguh kepada asal usul kami dan sedar bahawa kami berkhidmat untuk matlamat yang lebih besar.

Peranan Kami

Ekuinas mencetus impak secara bersepadu merentasi **tiga (3) teras utama** iaitu Ekuiti Persendirian, Kredit Persendirian dan *Capacity Building* serta impak sosial melalui platform khusus ILTIZAM.

Ekuiti Persendirian (PE)

Teras Ekuiti Persendirian Ekuinas memberi tumpuan kepada pelaburan dalam syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi, dengan penekanan kepada penciptaan nilai bagi memacu pertumbuhan mampan dan daya saing jangka panjang. Melalui pemilikan aktif dan panduan strategik, Ekuinas bekerjasama dengan pasukan pengurusan syarikat portfolio untuk memperkukuh tadbir urus, kecemerlangan operasi dan peluasan pasaran.

Model Ekuiti Persendirian:

- Melabur dalam perniagaan dengan potensi pertumbuhan tinggi
- Memacu peningkatan nilai secara aktif
- Menyasarkan pelupusan pelaburan yang menguntungkan apabila syarikat mencapai kematangan atau menjadi peneraju pasaran

Kredit Persendirian (PC)

Teras Kredit Persendirian menyediakan penyelesaian pembiayaan patuh syariah yang tersuai untuk menyokong pertumbuhan, daya tahan dan transformasi perniagaan. Ekuinas memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang pembiayaan melalui penyediaan struktur modal yang fleksibel untuk membantu syarikat berkembang secara mampan sambil mengekalkan disiplin kewangan.

Model Kredit Persendirian:

- Menyediakan penyelesaian pembiayaan patuh syariah dan tersuai kepada syarikat pasaran pertengahan Malaysia
- Bekerjasama rapat dengan syarikat-syarikat dengan menawarkan penyelesaian pembiayaan yang memperkasa mereka untuk mengoptimumkan operasi serta merebut peluang baharu
- Menyediakan pembiayaan fleksibel dan tersuai untuk syarikat pasaran pertengahan Malaysia

Peranan Kami

Capacity Building

Capacity Building merupakan teras ketiga dalam pendekatan impak Ekuinas. Teras ini berfungsi sebagai platform strategik Ekuinas untuk memperkukuh dan mempercepat pertumbuhan syarikat Bumiputera dalam segmen pasaran pertengahan bawah melalui **Pelan Penciptaan Nilai (VCP) yang tersuai**, dilaksanakan secara berstruktur selama tempoh tiga tahun.

Melalui VCP ini, syarikat terpilih menerima sokongan tertumpu yang merangkumi **enam (6) asas perniagaan utama**, dengan penekanan terhadap pembangunan kepimpinan transformasional dan inisiatif untuk menarik pelaburan. Secara keseluruhan, usaha ini dirangka untuk mengasah potensi pertumbuhan, memperkukuh keupayaan organisasi serta membuka akses kepada modal, sekali gus membolehkan syarikat berkembang secara mampan dan berdaya saing, serta lebih bersedia untuk pelaburan baharu.

Pelan penciptaan nilai berstruktur untuk *Capacity Building*



ILTIZAM – Platform Impak Sosial Ekuinas


ILTIZAM merupakan **platform impak sosial** Ekuinas yang menjadi teras kepada komitmen organisasi dalam memacu **pembangunan inklusif dan mampan**. Melangkaui pendekatan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) tradisional, ILTIZAM direka untuk menghasilkan impak sosial yang berstruktur dan boleh diukur dengan merapatkan jurang kritikal dalam bidang **keusahawanan, pendidikan dan pembangunan komuniti**.



Melalui tumpuan kepada keusahawanan, ILTIZAM menyokong pembangunan keupayaan perusahaan serta penyertaan ekonomi. Dalam bidang pendidikan, ILTIZAM melabur dalam pembangunan kemahiran, kebolehpasaran dan kesiapsiagaan pekerjaan. Di peringkat komuniti pula, ILTIZAM memperkukuh daya tahan sosial serta memperluas akses kepada peluang-peluang pemerkasaan bagi komuniti Bumiputera yang kurang mendapat perhatian.

Sebagai sebuah platform, ILTIZAM memperluas impak Ekuinas melangkaui pelaburan langsung, melalui kerjasama strategik, penyelesaian inovatif serta pengukuhan ekosistem yang menyokong mobiliti sosial secara jangka panjang. Evolusi ini mencerminkan kepercayaan Ekuinas bahawa impak sosial bukan sekadar pelengkap kepada mandatnya, bahkan menjadi elemen utama dalam usaha mencipta nilai yang berkekalan.

Struktur Korporat



* *Telah direalisasikan sepenuhnya*
^ *Sedang menjalani proses pembubaran*

Maklumat Korporat

LEMBAGA PENGARAH

TAN SRI SHAHRIL RIDZA RIDZUAN
Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

DATO' ABDUL HAMID SHEIKH MOHAMED
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

DATUK MAIMOONAH HUSSAIN
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

DATO' ABDUL MUTALIB ALIAS
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

DATUK SERI NOR AZMIE DIRON
Pengarah Bukan Eksekutif
Bukan Bebas

DATO' RIZAL RICKMAN RAMLI
Pengarah Bukan Eksekutif
Bukan Bebas

JAMALUDDIN BAKRI
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Dilantik pada 1 Julai 2025)

DATO' SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR
Ketua Pegawai Eksekutif
(Meletak jawatan pada 31 Mac 2025)

ALIFF OMAR MOHAMAD OMAR
Ketua Pegawai Eksekutif
(Dilantik pada 23 Mei 2025)

Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko

Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed
Pengerusi

Dato' Abdul Mutalib Alias

Datuk Maimoonah Hussain

Jawatankuasa Pelantikan & Ganjaran

Datuk Maimoonah Hussain
Pengerusi

Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed

Dato' Abdul Mutalib Alias

Jamaluddin Bakri
(Dilantik pada 1 Oktober 2025)

Jawatankuasa Pelaburan

Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed
Pengerusi

Datuk Maimoonah Hussain

Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
(Meletak jawatan pada 31 Mac 2025)

Aliff Omar Mohamad Omar
(Dilantik pada 23 Mei 2025)

Heng Khim Hui

Ahmad Hilmy Abd Jalil

Zain Azmir Zain Azahari
(Meletak jawatan pada 2 Oktober 2025)

Shazril Mazlan
(Dilantik pada 17 September 2025)

Mohd Kamil Ibrahim
(Dilantik pada 17 April 2025)

Jawatankuasa Kredit Persendirian

Datuk Maimoonah Hussain
Pengerusi

Dato' Abdul Mutalib Alias

Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
(Meletak jawatan pada 31 Mac 2025)

Aliff Omar Mohamad Omar
(Dilantik pada 23 Mei 2025)

Mohd Kamil Ibrahim
(Dilantik pada 26 Jun 2025)

Phua Pao Ann

Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Dato' Abdul Mutalib Alias
Pengerusi

Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
(Meletak jawatan pada 31 Mac 2025)

Aliff Omar Mohamad Omar
(Dilantik pada 23 Mei 2025)

Hizwani Hassan

Fazlin Abu Hassan Shaari
(Meletak jawatan pada 9 September 2025)

Nur Azleen Soliha Abdul Waris
(Dilantik pada 3 November 2025)

Jawatankuasa Pengurusan Kanan

Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Ketua Pegawai Eksekutif
(Meletak jawatan pada 31 Mac 2025)

Aliff Omar Mohamad Omar
Ketua Pegawai Eksekutif
(Dilantik pada 23 Mei 2025)

Roselinda Hashim
Pengarah Kanan, Perundangan
& Hal Ehwal Korporat
(Meletak jawatan pada 31 Januari 2025)

Heng Khim Hui
Pengarah Kanan, Pengurusan
& Pemantauan Portfolio

Ahmad Hilmy Abd Jalil
Pengarah Kanan, Pelaburan

Zain Azmir Zain Azahari
Pengarah Kanan, Pelaburan
(Meletak jawatan pada 2 Oktober 2025)

Shazril Mazlan
Pengarah Kanan, Pelaburan
(Dilantik pada 17 September 2025)

Phua Pao Ann
Pengarah Kanan, Kredit Persendirian

Sharifah Noralina Syed Yassin
Ketua Sumber Manusia

Fazlin Abu Hassan Shaari
Ketua Pegawai Kewangan
(Meletak jawatan pada
9 September 2025)

Nur Azleen Soliha Abdul Waris
Ketua Pegawai Kewangan dan Strategi
(Dilantik pada 3 November 2025)

Wan Mohd Azran Wan Mahmood
Ketua Penasihat Undang-Undang
(Dilantik pada 1 Januari 2025)

Setiausaha Syarikat

Alwizah Al-Yafii Ahmad Kamal
(MAICSA 7033148)

Juruaudit

PricewaterhouseCoopers PLT
Akauntan Bertauliah

Bank-Bank Utama

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad
Affin Bank Berhad


Alamat Berdaftar

AKAL Corporate Advisors Sdn. Bhd.
Unit 9.01 PJ Tower,
Amcorp Trade Centre,
18 Persiaran Barat,
46050 Petaling Jaya,
Selangor

Alamat Pejabat

Ekuiti Nasional Berhad
200901025164 (868265-U)
Aras 16, Surian Tower
No. 1, Jalan PJU 7/3
Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

Struktur Organisasi







BAB 2

KEPIMPINAN KAMI

Profil Lembaga Pengarah 16

Komposisi & Keseimbangan Ahli Lembaga Pengarah 25

Profil Pengurusan Kanan 26

Profil Lembaga Pengarah



TAN SRI SHAHRIL RIDZA RIDZUAN

Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

Kewarganegaraan : Malaysia

Tarikh Pelantikan :
- 1 Oktober 2022
  (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
- 18 Julai 2023
  (Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas)

Kelayakan/Keahlian/Anugerah
- Ijazah Sarjana Seni, Cambridge University
- Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Sivil, Oxford University
- Dipanggil ke Badan Peguam Malaysia dan *Bar of England and Wales*

Jawatan Semasa
- Pengerusi, Kumpulan Axiata
- Pengerusi, Iskandar Waterfront Holdings Sdn Bhd
- Pengerusi, Standard Chartered Bank Malaysia Berhad & Standard Chartered Saadiq Berhad
- Pengerusi, Paradigm Reit Management Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Right Sentiments Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Kuala Lumpur Kepong Berhad
- Ahli Lembaga, CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan
- Pengarah Urusan, Khazanah Nasional Berhad
- Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan), KWSP
- Pengarah Urusan, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB)
- Pengurusan Danaharta Nasional Berhad
- Pembantu Tadbir Undang-Undang, Zain & Co

DATO' SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Ketua Pegawai Eksekutif

Kewarganegaraan : Malaysia

Tarikh Pelantikan : 1 Mac 2016
(Meletak jawatan pada 31 Mac 2025)



Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Perakaunan dan Pengurusan Kewangan, University of Essex, United Kingdom
- Felo di Chartered Institute of Management (FCMA)
- Ahli, Chartered Global Management Accountant (CGMA)

Jawatan Semasa (Sehingga 31 Mac 2025)

- Pengerusi, Orkim Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Revenue Valley Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Medispec (M) Sdn Bhd
  (Meletak jawatan pada 5 Mac 2025)

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengurus Negara, Perbankan Borong ING
- Timbalan Presiden, Kewangan Korporat, ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd
- United Overseas Bank (Malaysia) Berhad
- Pengurusan Danaharta Nasional Berhad
- Commerce International Merchant Bankers Berhad
- Aseambankers Malaysia Berhad

Profil Lembaga Pengarah



ALIFF OMAR MOHAMAD OMAR

Ketua Pegawai Eksekutif

Kewarganegaraan : Malaysia

Tarikh Pelantikan : 23 Mei 2025

Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Industri & Sains Pengurusan (Cum Laude), dengan pengkhususan kedua dalam Ekonomi, Northwestern University
- Ijazah Sarjana Falsafah dalam Kewangan, University of Cambridge

Jawatan Semasa

- Pengerusi, Exabytes Network Sdn. Bhd.
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Orkim Berhad

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengarah Kanan, Pelaburan, Ekuinas
- Pengarah, UBS AG
- CIMB Investment Bank
- Maybank Investment Bank

DATO' ABDUL HAMID SHEIKH MOHAMED

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Kewarganegaraan : Malaysia

Tarikh Pelantikan : 1 Jun 2020
- Pengerusi, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)
- Pengerusi, Jawatankuasa Pelaburan (IC)
- Ahli, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)



Kelayakan/Keahlian/Anugerah
- Felo di Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA)
- Emile Woolf School of Accountancy

Jawatan Semasa
- Pengarah Eksekutif, Symphony House Sdn Bhd
- Pengerusi, Orkim Berhad
- Ahli Lembaga, MMC Corporation Berhad
- Komisaris, PT Maybank Sekuritas Indonesia
- Ahli Lembaga, OM Holdings Limited

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan
- Ahli Lembaga, Maybank Investment Bank Berhad
- Ahli Lembaga, Maybank International Holdings Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Lembaga Tabung Haji
- Ahli Lembaga, Boustead Holdings Berhad
- Ketua Pegawai Kewangan, Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE), kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Berhad
- Pengurus Kanan, Perancangan Korporat, Kumpulan Amanah Capital Malaysia Berhad
- Pengurus, Perbankan Korporat, Bumiputra Merchant Bankers Berhad
- Peguam Bersekutu, Tetuan Lim, Ali & Co./Arthur Young (kini dikenali sebagai Ernst & Young)

Profil Lembaga Pengarah



DATUK MAIMOONAH HUSSAIN

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Kewarganegaraan: Singapura

Tarikh Pelantikan : 1 Mei 2022

- Pengerusi, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)
- Pengerusi, Jawatankuasa Kredit Persendirian (PCC)
- Ahli, Jawatankuasa Pelaburan (IC)
- Ahli, Jawantankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)

Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Sarjana Muda Perakaunan, National University of Singapore
- Jurubank Bertauliah
- Anugerah Perniagaan Singapura untuk Eksekutif Cemerlang Luar Negara (2015)
- Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif Asia Terbaik dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia berorientasi Sumber Manusia oleh World HRD Congress (2019)

Jawatan Semasa

- Ahli Lembaga, National Gallery Singapore
- Ahli Lembaga, GXBank Berhad
- Ahli Lembaga, Hong Leong Asia Ltd
- Ahli Lembaga, Singapore Exchange Limited
- Ahli Lembaga, UMobile Holdings Bhd
- Ahli, Majlis Kepelbagaian Lembaga, Singapura

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengarah Urusan Kumpulan, Affin Hwang Capital
- Pengarah Urusan, Affin Investment Bank
- Ahli Lembaga, Affin Hwang Asset Management
- Pengarah, Hutang dan Pasaran Modal, Affin Bank Berhad
- Pengarah, Ketua Bahagian Sindikasi Asia Tenggara, Standard Chartered Bank
- Pengarah, Kewangan Berstruktur & Penasihat Projek, Pasaran Asia Tenggara, Morgan Grenfell (Asia) Ltd

DATO' ABDUL MUTALIB ALIAS

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Kewarganegaraan : Malaysia

Tarikh Pelantikan : 1 Mei 2022

- Pengerusi, Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat (CSRC)
- Ahli, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)
- Ahli, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)
- Ahli, Jawatankuasa Kredit Persendirian (PCC)



Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan, Governors State University
- Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Perakaunan, Northern Illinois University

Jawatan Semasa

- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, AirAsia X Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Prolintas Managers Sdn Bhd, (Pengurus Amanah Amanah kepada Prolintas Infra Business Trust)

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas, Icon Offshore Berhad
- Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas, Bintulu Port Holdings Berhad
- Ahli Lembaga, Kumpulan Bank Rakyat
- Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Perbadanan, Perbadanan PR1MA Malaysia
- Pegawai Khas/Setiausaha Politik, Kerajaan Malaysia:
  - Kementerian Kerja Raya
  - Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi
  - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
  - Kementerian Kewangan
- Ahli Majlis, Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Naib Presiden, Perbankan Pelaburan, The Chase Manhattan Bank Malaysia

Profil Lembaga Pengarah



DATUK SERI NOR AZMIE DIRON

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Kewarganegaraan : Malaysia

Tarikh Pelantikan : 13 Januari 2023

Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Sarjana Teknologi Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya (UM)
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Jawatan Semasa

- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Malaysia
- Pengerusi Bersama (Malaysia), Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA)
- Ahli Majlis, Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Ahli Lembaga, Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA)
- Ahli Lembaga, Regional Corridor Development Authority, Sarawak (RECODA)
- Ahli Majlis, East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)
- Ahli Autoriti, Iskandar Regional Development Authority (IRDA)
- Ahli Lembaga, Johor Corporation (JCorp)
- Ahli Lembaga, Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)
- Pemegang Amanah, TERAJU Bumiputera Corporation
- Pemegang Amanah, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YP)
- Ahli Lembaga, Ahli Majlis, Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)
- Ahli Lembaga, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak
- Ahli, PR1MA Corporation Malaysia

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Timbalan Ketua Pengarah (Makro), Kementerian Ekonomi, dahulunya dikenali sebagai Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
- Setiausaha Kerajaan Negeri, Selangor
- Pengerusi, Kumpulan Perangsang Selangor
- Pengerusi, Worldwide Holdings Berhad
- Ahli Lembaga, Selangor State Development Corporation (PKNS)
- Ahli Lembaga, Air Selangor
- Ahli Lembaga, Invest Selangor
- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Selangor
- Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Selangor
- Timbalan Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri (Makro & Penswastaan), Selangor
- Pegawai Kewangan Negeri, Selangor
- Ketua Penolong Setiausaha, Jabatan Perdana Menteri
- Penolong Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan
- Penolong Setiausaha, Kementerian Pembangunan Luar Bandar

DATO' RIZAL RICKMAN RAMLI

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Kewarganegaraan : Malaysia

Tarikh Pelantikan : 19 Disember 2024

Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Kellogg School of Management, Northwestern University
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (BA), University of Chicago

Jawatan Semasa

- Timbalan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, Permodalan Nasional Berhad (PNB)
- Pengerusi, Sime Darby Property Berhad

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Ahli Lembaga, Velesto Energy Berhad
- Ahli Lembaga, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad
- Ahli Lembaga, MIDF Property Berhad
- Ketua Pegawai Pelaburan, Pelaburan Persendirian dan Strategik, PNB
- Rakan Kongsi & Pengarah Urusan serta Ketua Daerah Malaysia, The Boston Consulting Group



Profil Lembaga Pengarah



JAMALUDDIN BAKRI

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Kewarganegaraan : Malaysia

Tarikh Pelantikan : 1 Julai 2025

- Ahli, Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (NRC), dilantik pada 1 Oktober 2025

Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dalam Sumber Manusia, University of Hull
- Kelayakan Prasiswazah dalam Kejuruteraan Mekanikal
- Sijil dalam Penggerudian & Teknologi Baik Pulih Telaga Minyak dan Gas
- Anugerah Pemimpin Sumber Manusia Terbaik oleh Human Resources Online (2018)
- Jurulatih Eksekutif Bertauliah

Jawatan Semasa

- Penasihat Modal Insan, Bursa Malaysia Berhad

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan


- Penasihat Sumber Manusia Kumpulan, RHB Banking Group
- Ketua Pegawai Sumber Manusia Kumpulan, RHB Banking Group
- Ketua Sumber Manusia Kumpulan, IHH Healthcare
- Pengarah Sumber Manusia Serantau, Asia Services, Microsoft
- Pengarah Sumber Manusia Serantau, Asia Tenggara dan Greater China, Microsoft


Komposisi & Keseimbangan Ahli Lembaga Pengarah


Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan perwakilan kukuh Pengarah Bebas dalam Lembaga serta memastikan objektiviti dalam semua perkara yang dibincangkan. Struktur semasa Lembaga dan integriti setiap Pengarah memastikan tiada individu atau kumpulan tertentu yang mendominasi proses membuat keputusan.


Lembaga Pengarah diterajui oleh ahli-ahli yang aktif dan berpengalaman dengan latar belakang profesional yang pelbagai merangkumi industri dan komersial, perakaunan dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, serta kawal selia dan perkhidmatan awam. Kepelbagaian kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam memacu hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas sebagai sebuah organisasi pengurusan dana modal persendirian bertaraf dunia, serta membimbing organisasi dalam mencapai objektif dan visinya.


Sehingga 31 Disember 2025, Lembaga Pengarah Ekuinas terdiri daripada lapan (8) orang ahli, di mana majoritinya merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Sepanjang tahun kewangan 2025, Lembaga Pengarah mencatatkan dua (2) pelantikan baharu, iaitu Encik Jamaluddin Bakri sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan Encik Aliff Omar yang secara rasmi dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif susulan peletakan jawatan Dato' Syed Yasir Arafat.











Profil Pengurusan Kanan



ALIFF OMAR MOHAMAD OMAR
Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh menyertai Ekuinas: 10 Julai 2017

Aliff Omar Mohamad Omar ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Ahli Lembaga Pengarah Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Kredit Persendirian serta Jawatankuasa Pengurusan Kanan. Beliau dilantik sebagai CEO pada 23 Mei 2025.

Profil dipaparkan di muka surat 18.

HENG KHIM HUI
Pengarah Kanan,
Pengurusan dan Pemantauan Portfolio

Tarikh menyertai Ekuinas: 18 November 2013



Khim Hui ialah Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Beliau bekerjasama dengan Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan syarikat portfolio untuk memacu pertumbuhan, transformasi dan penciptaan nilai melalui inisiatif strategik jualan dan pemasaran, operasi, digital serta teknologi maklumat. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam portfolio runcit, pembuatan, penjagaan kesihatan dan teknologi.

Sebelum menyertai Ekuinas, Khim Hui berkhidmat di The Boston Consulting Group, di mana beliau bekerja dengan syarikat multinasional dan syarikat berkaitan kerajaan di Asia Tenggara dalam bidang strategi kemasukan pasaran, strategi pertumbuhan, penggabungan dan pengambilalihan, serta transformasi operasi. Sebelum itu, beliau berkhidmat di Kearney (dahulunya A.T. Kearney) dan Accenture serta beliau mempunyai lebih 14 tahun pengalaman perundingan pengurusan dalam sektor perkhidmatan kewangan, minyak dan gas serta telekomunikasi.

Khim Hui berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Imperial College London dan Ijazah Sarjana Sains dari Stanford University, kedua-duanya dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal. Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari INSEAD.



AHMAD HILMY ABD JALIL
Pengarah Kanan, Pelaburan

Tarikh menyertai Ekuinas: 6 Januari 2020

Hilmy ialah Pengarah Kanan, Pelaburan. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Beliau mempunyai 16 tahun pengalaman dalam perbankan pelaburan di Asia Tenggara, sebelum ini sebagai pemimpin kanan di Deutsche Bank di Singapura dan UBS Investment Bank. Beliau telah mengetuai transaksi penggabungan dan pengambilalihan, ekuiti dan hutang untuk pelanggan di Malaysia, Singapura dan Indonesia merentasi pelbagai industri termasuk penjagaan kesihatan & pengguna, telekomunikasi & media, industri & infrastruktur serta utiliti. Sebelum bidang perbankan, beliau berkhidmat di Symphony House dan PwC Corporate Advisory.

Hilmy berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dalam Perakaunan & Kewangan dari University of Melbourne dan Ijazah Sarjana Perdagangan dalam Kewangan Lanjutan dari University of New South Wales. Beliau juga merupakan Penganalisa Kewangan Bertauliah (CFA).



ZAIN AZMIR ZAIN AZAHARI
Pengarah Kanan, Pelaburan

Tarikh menyertai Ekuinas: 15 Jun 2022
Tarikh peletakan jawatan: 2 Oktober 2025

Zain Azmir ialah Pengarah Kanan, Pelaburan. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Sebelum menyertai Ekuinas, beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi di Suruhanjaya Penerbangan Malaysia dan Pengarah Pelaburan di Khazanah Nasional Berhad. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan pelaburan, kawal selia ekonomi, perancangan korporat dan penggabungan serta pengambilalihan, khususnya dalam industri yang dikawal selia di pasaran domestik dan antarabangsa.

Zain Azmir memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Undang-Undang dari University of Oxford dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari INSEAD. Beliau juga merupakan Felo Institute of Chartered Accountants in England & Wales (ICAEW) serta ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

SHAZRIL MAZLAN
Pengarah Kanan, Pelaburan

Tarikh menyertai Ekuinas: 17 September 2025

Shazril menyertai Ekuinas pada September 2025 sebagai Pengarah Kanan, Pelaburan, dengan lebih 20 tahun pengalaman dalam ekuiti persendirian dan pasaran awam.

Sebelum menyertai Ekuinas, beliau berkhidmat sebagai Ketua Pelaburan Langsung di Permodalan Nasional Berhad, di mana beliau mengetuai transaksi pelaburan langsung dan pelaburan bersama, pemantauan portfolio serta usaha wajar. Beliau terlibat dalam penjualan sebuah bank Malaysia kepada entiti tersenarai awam, pelupusan strategik pegangan minoriti, serta pembangunan rangka kerja pelaburan bagi menyokong penciptaan nilai jangka panjang. Beliau juga mengurus portfolio ekuiti serantau Asia Pasifik.

Pada peringkat awal kerjayanya, Shazril merupakan Naib Presiden di Wasserstein & Co. di New York, dengan fokus kepada pelaburan ekuiti persendirian dalam sektor media dan industri. Beliau juga pernah memegang jawatan kanan dalam ekuiti awam di Singapore Unit Trusts Limited.

Shazril berkelulusan Ijazah Sarjana Kejuruteraan (MEng) dalam Kejuruteraan Kimia dari Imperial College London dan Diploma Lepasan Ijazah dalam Kewangan Gunaan dari Financial Services Institute of Australasia (FINSIA).





PHUA PAO ANN
Pengarah Kanan, Kredit Persendirian

Tarikh menyertai Ekuinas: 2 Mei 2024

Pao Ann ialah Pengarah Kanan, Kredit Persendirian. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kredit Persendirian (PCC) dan Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Beliau mempunyai lebih 25 tahun pengalaman dalam industri kewangan. Sebelum menyertai Ekuinas, beliau berkhidmat di CIMB dalam bidang perbankan korporat, perbankan pelaburan dan pasaran ekuiti. Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai peguam korporat di Shearman & Sterling LLP serta Cleary, Gottlieb, Steen & Hamilton di New York, Hong Kong dan Singapura.

Pao Ann memiliki Ijazah Sarjana Sastera dalam Undang-Undang dari University of Cambridge dan Ijazah Sarjana Undang-Undang dari Harvard Law School.

Profil Pengurusan Kanan



FAZLIN ABU HASSAN SHAARI
Ketua Pegawai Kewangan

Tarikh menyertai Ekuinas: 27 September 2021
Tarikh peletakan jawatan: 9 September 2025

Fazlin ialah Ketua Pegawai Kewangan (CFO). Beliau merupakan akauntan bertauliah dengan pengalaman luas dalam strategi dan pelaburan, kewangan korporat dan operasi, hubungan pelabur serta pengurusan am.

Sebelum menyertai Ekuinas, beliau berkhidmat di PricewaterhouseCoopers, CIMB Investment Bank, Media Prima Berhad dan Tune Group. Beliau juga pernah terlibat sebagai penasihat berasaskan projek merangkumi pengumpulan dana, penstrukturan semula hutang, rasionalisasi kos dan penyusunan semula korporat.

Fazlin berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dengan Kepujian (Distinction) dari University of Nottingham serta Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Perakaunan & Kewangan dari University of Warwick. Beliau merupakan ahli Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

NUR AZLEEN SOLIHA ABDUL WARIS
Ketua Pegawai Kewangan & Strategi

Tarikh menyertai Ekuinas: 3 November 2025



Azleen ialah Ketua Pegawai Kewangan & Strategi, bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Kumpulan, Perbendaharaan dan Perancangan Strategik Ekuinas. Beliau juga bertanggungjawab menterjemahkan mandat Ekuinas kepada pelaksanaan kewangan dan strategi merentasi organisasi, termasuk pengurusan modal, strategi dana, perancangan prestasi perniagaan serta penerapan jangkaan berkaitan kelestarian dalam keputusan pelaburan dan penciptaan nilai portfolio.

Beliau merupakan sebahagian daripada pasukan perintis dalam penubuhan Ekuinas pada tahun 2009. Seterusnya beliau beralih dan terlibat dalam pelbagai sektor termasuk pelaburan, media, pengurusan aset dan infrastruktur telekomunikasi serta memegang jawatan kepimpinan kanan. Pengalaman beliau merangkumi transformasi kewangan, pendigitalan, kecemerlangan operasi, penggabungan dan pengambilalihan serta pelaksanaan strategi di EDOTCO Group, Jewel Digital Ventures, MyCreative Ventures, Media Prima Group dan KPMG. Beliau juga pernah menubuhkan dan mengurus syarikat pemula sendiri.

Azleen merupakan Felo Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) dan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau berkelulusan Sarjana Sains (MSc) dalam Perakaunan Profesional dari University of London serta Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Multimedia University



SHARIFAH NORALINA SYED YASSIN
Ketua Pegawai Sumber Manusia

Tarikh menyertai Ekuinas: 3 September 2012

Sharifah Noralina ialah Ketua Pegawai Sumber Manusia, yang menyelia fungsi Sumber Manusia, Pentadbiran Pengurusan Sistem Maklumat (MIS) serta Komunikasi. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Beliau bertanggungjawab ke atas strategi Sumber Manusia dan pelaksanaannya di Ekuinas serta semua syarikat portfolio, berkerja bersama CEO, ketua sumber manusia, pasukan pelaburan dan pengurusan portfolio bagi memastikan semua inisiatif sumber manusia sejajar dengan pelan penciptaan nilai setiap syarikat.

Sebelum menyertai Ekuinas, Sharifah Noralina berkhidmat sebagai Pengarah Sumber Manusia di Dutch Lady Malaysia & Singapura. Sebelum itu, beliau mempunyai lebih 10 tahun pengalaman sebagai perunding di Accenture, Aon dan Willis Towers Watson, dengan penglibatan dalam perundingan bersama syarikat multinasional, syarikat berkaitan kerajaan, syarikat pelaburan dan agensi kerajaan.

Sharifah Noralina berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Pengajian Organisasi dan Psikologi dari University of Michigan, Ann Arbor.



ROSELINDA HASHIM
Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat

Tarikh menyertai Ekuinas: 1 Oktober 2009
Tarikh peletakan jawatan: 31 Januari 2025

Roselinda ialah Pengarah Kanan, Perundangan dan Hal Ehwal Korporat, mengetuai Jabatan Perundangan & Setiausaha Syarikat serta Jabatan Komunikasi di Ekuinas. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Sebelum menyertai Ekuinas, beliau berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Perundangan dan Setiausaha Syarikat di Media Prima Berhad selama lima tahun. Sebelum itu, beliau merupakan Rakan Kongsi di Raslan Loong dengan pengkhususan dalam penggabungan dan pengambilalihan, usaha sama, penstrukturan semula korporat serta undang-undang korporat dan komersial Malaysia.

Beliau telah berkhidmat dalam bidang perundangan sejak 1996 dan memulakan kerjaya di Shearn Delamore & Co. Roselinda berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB Hons) dan Ijazah Sarjana Undang-Undang (LLM) daripada SOAS, University of London.

Beliau diterima masuk ke *Bar of England and Wales* pada 1994 dan Bar Malaysia pada tahun 1996 sebagai peguambela dan peguamcara. Roselinda juga memiliki lesen Setiausaha Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia sejak 2005.

WAN MOHD AZRAN WAN MAHMOOD
Ketua Penasihat Perundangan

Tarikh menyertai Ekuinas: 16 Ogos 2010

Azran dilantik sebagai Ketua Penasihat Undang-Undang berkuatkuasa 1 Januari 2025. Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang perundangan dan nasihat korporat, dengan kepakaran dalam penggabungan dan pengambilalihan, pelaburan dan transaksi pasaran modal merentasi pelbagai sektor.

Beliau menyertai Ekuinas pada tahun 2010 dan telah memegang beberapa jawatan kanan dalam bidang perundangan. Sebelum menyertai Ekuinas, beliau berkhidmat sebagai Pengurus Perundangan di Malaysia Venture Capital Management Berhad serta pernah berkhidmat di beberapa firma guaman terkemuka.

Azran memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB Hons) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.





BAB 3
IMPAK & PRESTASI

Mencipta Nilai	32
Penyata Bersama Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif	34
Berita yang Mencerminkan Perjalanan Kami Sepanjang Tahun 2025	50
Sekilas Pandang Tahun 2025	54
Sorotan Kewangan Utama Tahun 2025	55
Sorotan Kewangan Lima Tahun	59
Laporan Prestasi Pelaburan	60
Syarikat Portfolio Sekilas Pandang	67
Portfolio dalam Fokus	68



Mencipta Nilai

Di Ekuinas, penciptaan nilai melangkaui penyaluran modal. Kami mengamalkan pendekatan jangka panjang berteraskan kerjasama strategik untuk membangunkan perniagaan yang berdaya tahan, memperluas penyertaan Bumiputera dan membawa impak sosial yang bermakna, sambil menerapkan kelestarian serta tadbir urus yang baik dalam setiap aspek operasi kami. Melalui model bersepadu ini, kami menjana nilai mampan untuk pihak berkepentingan kami serta menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi Malaysia secara menyeluruh.

1

MEMPERKASA PERTUMBUHAN SYARIKAT PASARAN PERTENGAHAN MALAYSIA

Ekuinas bekerjasama dengan syarikat pasaran pertengahan Malaysia untuk mengembangkan potensi pertumbuhan, memacu kecemerlangan operasi dan memperkukuh keupayaan kepimpinan. Melalui pemilikan aktif, peluasan strategik dan inisiatif transformasi perniagaan, kami menyokong syarikat portfolio kami untuk menjadi peneraju industri berprestasi tinggi yang berdaya tahan, berdaya saing dan berada pada kedudukan kukuh bagi penciptaan nilai jangka panjang.

2

MEMPERKASA PENYERTAAN BUMIPUTERA

Selain prestasi kewangan, Ekuinas turut memperluas penyertaan Bumiputera merentasi pemilikan ekuiti, kepimpinan, pekerjaan dan rantaian bekalan. Dengan menggalakkan pertumbuhan yang inklusif serta memperkukuh penglibatan Bumiputera di sepanjang rantaian nilai, kami menyumbang kepada penciptaan kekayaan yang mampan dan pembangunan ekosistem perniagaan Bumiputera yang berdaya saing.

3

MEMACU IMPAK MELALUI ILTIZAM

ILTIZAM, platform impak sosial Ekuinas, memperluas usaha penciptaan nilai kami melangkaui pelaburan. Berpandukan teras Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti, ILTIZAM memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti, pengukuhan daya tahan dan penghasilan impak sosioekonomi yang boleh diukur untuk usahawan Bumiputera, golongan belia dan komuniti yang kurang mendapat perhatian, sekali gus membolehkan peningkatan taraf hidup secara mampan dalam jangka panjang.

Maklumat lanjut mengenai ILTIZAM boleh didapati pada muka surat 80 hingga 97.

4

KELESTARIAN SEBAGAI PEMANGKIN PENCIPTAAN NILAI

Kelestarian diterapkan dalam amalan pelaburan dan operasi Ekuinas. Dengan mengintegrasikan prinsip ESG, menangani isu ESG yang material serta menyelaraskan usaha dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang terpilih, kami menggalakkan pertumbuhan yang bertanggungjawab, tadbir urus yang kukuh dan daya tahan perniagaan bagi memastikan penciptaan nilai jangka panjang kepada pihak berkepentingan serta komuniti yang kami santuni.

Maklumat lanjut mengenai pendekatan, keutamaan dan prestasi kelestarian kami boleh didapati pada muka surat 74 hingga 79.

KERANGKA PENGAGIHAN

Bagi memastikan nilai yang diwujudkan melalui pelaburan kami memberikan impak jangka panjang dan inklusif, Ekuinas beroperasi berdasarkan Kerangka Pengagihan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Kerangka ini mengawal selia bagaimana prinsipal dan keuntungan pelaburan, termasuk hasil yang direalisasikan melalui strategi pelupusan termasuk tawaran awam awal (IPO) dan pemindahan saham strategik, diagihkan secara sistematik antara penyaluran hasil kepada pihak berkepentingan dan pelaburan semula modal. Ini termasuk pengagihan dividen kepada PNB untuk manfaat para pemegang unitnya, sambil mengekalkan dan menyalurkan semula modal ke dalam pelaburan baharu di kalangan syarikat Bumiputera pasaran pertengahan. Melalui pendekatan berdisiplin ini, Ekuinas memastikan modal dikitar semula secara berterusan, pertumbuhan perusahaan disokong secara mampan serta mewujudkan kitaran yang saling memperkukuh antara pelaburan, pembangunan sosioekonomi dan penciptaan nilai jangka panjang.

PENDEKATAN BERSEPADU TERHADAP IMPAK DAN PRESTASI

Secara keseluruhannya, pendekatan penciptaan nilai, komitmen kelestarian dan Kerangka Pengagihan Ekuinas membentuk model yang menyeluruh dan berdisiplin dalam menjana impak serta prestasi jangka panjang. Dengan melabur semula modal, memperluas penyertaan Bumiputera dan menyalurkan keuntungan ke arah pendidikan serta keusahawanan, kami memastikan pulangan kewangan diterjemahkan kepada hasil sosioekonomi yang mampan. Pendekatan bersepadu ini mengukuhkan mandat Ekuinas sebagai rakan jangka panjang dalam membangunkan perniagaan yang berdaya tahan, komuniti yang diperkasa dan penciptaan nilai yang berkekalan untuk Malaysia.

Penyata Bersama
PENGERUSI & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

“Bagi ekuiti persendirian, landskap semasa menawarkan peluang yang selektif dalam persekitaran risiko yang semakin kompleks. Dalam persekitaran ini, pulangan akan semakin bergantung pada pemilihan pelaburan yang berdisiplin, penciptaan nilai melalui kecemerlangan operasi, serta keupayaan untuk mengemudi ketidaktentuan geopolitik.”



TAN SRI SHAHRIL RIDZA RIDZUAN
Pengerusi



ALIFF OMAR MOHAMAD OMAR
Ketua Pegawai Eksekutif

LANDSKAP EKUITI PERSENDIRIAN GLOBAL PADA 2025

Di sebalik pertumbuhan yang ketara, tekanan struktur masih belum ditangani.

Pada zahirnya, tahun 2025 merupakan tahun yang kukuh bagi ekuiti persendirian global. Nilai urus niaga pengambilalihan meningkat 44% kepada AS$904 bilion, manakala nilai pelupusan melonjak 47% kepada AS$717 bilion, kedua-duanya merupakan jumlah kedua tertinggi dalam sejarah industri.[1] Angka-angka utama ini mencerminkan optimisma selepas aktiviti yang sederhana sepanjang tiga tahun.

"We've spent around RM1 billion in capital expenditure since 2009, financed through various sources, including commercial loans and a recent sukuk. Future investments will depend on, among others, the demand type of vessels," he said.

Cheah led fleet renewal and digitalisation efforts, introducing real-time tracking and data-driven systems that boosted efficiency, safety, and compliance, helping Orkim maintain about 90 per cent utilisation from 2022 to 2024.

According to the latest statistics available in 2024, with 14 CPP vessels totalling 134,684 deadweight tonnes (DWT) and one medium-range tanker with 48,006 DWT, Orkim commands a 56 per cent market share among 27 Malaysian-registered chemical and petroleum tankers in Malaysia. The company also owns two liquefied petroleum gas (LPG) tankers with a combined capacity of 6,498 DWT.

Orkim's clients include Petroliam

10 Deal Street Asia

From buyouts to growth: Ekuinas doubles down on enterprise development in Malaysia



Ekuinas-backed Orkim prices Main Market IPO at 92 sen, eyes RM920 mil market cap

BY JAZLIN ZAKRI & AMEERA FATHINA
theedgemalaysia.com



(From left) Orkim Bhd non-executive director (non-ED) Lynette Yeow Su Yin, senior independent non-ED Datuk Azman Ismail, Non-ED Aliff Omar Mohamad Omar, non-executive chairman Datuk Abdul Hamid Sh Mohamed, non-independent ED & CEO Cheah Sin Bi, non-ED Zuhaida Zulkifli and non-ED Nasmiza Ismail at the company's IPO prospectus launch on Wednesday.

KUALA LUMPUR (Nov 19): Orkim Bhd, an oil and gas shipping company owned by Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas), launched its Main Market initial public offering (IPO) on Wednesday, aiming for a RM920 million market value.

The IPO is priced at 92 sen per share and is expected to raise RM92 million for the company to expand its fleet of vessels.

Applications for the IPO will close on Nov 26, with the company scheduled for listing on Dec 9.

"Through every milestone, Orkim has remained steadfast in its commitment to being proudly Malaysian, flying the national flagacross regional waters, proving Bi said in his speech at the launch ceremony of its prospectus.

The IPO consists of the issuance of 100 million new shares and an offer for sale of 300 million existing shares owned by Tetap Kuasa Sdn Bhd, the Ekuinas-owned investment holding vehicle. Following the listing exercise, Ekuinas, a subsidiary of Permodalan Nasional Bhd, will retain a 60% stake.

Of the bulk of the funds raised from the new share issuance, 87% or RM80 million will be used for new vessel acquisition, including chemical and petroleum product tankers with load capacities of 9,000 deadweight tonnes (DWT), as port working capital needs (1.2%) and listing-related expenses (11.8%).

Orkim currently operates 18 vessels with a combined capacity of 239,186 DWT, comprising 14 clean petroleum product (CPP) tankers totalling 134,684 DWT, two medium-range CPP tankers (98,004 DWT), and two liquefied petroleum gas tankers (6,498 DWT).

CIMB Investment Bank is the IPO's main adviser and lead underwriter, with RHB and Affin Hwang as joint underwriters. CIMB Investment Bank and RHB Investment Bank are joint bookrunners.

Orkim IPO's public portion oversubscribed nearly 12 times

PETALING JAYA: The public portion of marine transport company Orkim Bhd's initial public offering (IPO) has been oversubscribed, reflecting strong investor confidence in the group's prospects.

The public balloting for the IPO was conducted yesterday, with encouraging participation from both retail and institutional investors, marking another key milestone in Orkim's journey towards its listing on the Main Market of Bursa Malaysia.

The group received a total of 6,767 applications for 256.8 million shares, corresponding to the 20 million shares made available for application by the Malaysian public, representing an oversubscription rate of 11.84 times.

The Bumiputera portion attracted 3,430 applications for 120.1 million shares, oversubscribed by 11.01 times, while the remaining public portion recorded 3,337 applications for 136.7 million shares, oversubscribed by 12.67 times.

The 8 million shares reserved for eligible directors, employees, and persons who have contributed to the group's success, together with the institutional offering, were also fully subscribed.

Orkim chairman Datuk Abdul Hamid Sh Mohamed said the company is encouraged by the strong support and confidence shown by investors. The oversubscription reflects market recognition of Orkim's track record, capabilities and resilience.

"As we approach our listing, our focus remains on strengthening our fleet, driving operational efficiency through technology, and expanding our service offerings to support Malaysia's energy and maritime logistics ecosystem.

"We will continue to uphold the highest standards of safety, compliance, and governance as we steer Orkim towards long-term, sustainable growth," he said in a statement.

CIMB Investment Bank Bhd is the principal adviser, joint bookrunner, managing underwriter and joint underwriter for the IPO.

RHB Investment Bank Bhd acts as the joint bookrunner and joint underwriter, while Affin Hwang Investment Bank Bhd is the joint underwriter.

ORKIM

Penyenaraian Orkim perkukuh penyertaan Bumiputera dalam pasaran modal

Oleh Alzahrin Alias · Disember 9, 2025 @ 2:37pm



Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan melihat pergerakan harga saham selepas majlis penyenaraian Orkim di Pasaran Utama Bursa Malaysia, hari ini - NSTP/ASWADI ALIAS

Orkim IPO exemplifies GEAR-uP success

By KIRENNESH NAIR

CORPORATE NEWS

Wednesday, 10 Dec 2025

Related News



ASEANPLUS NEWS 26 Jan 2026
Asean News Headlines at 10pm on Monday (Jan 26...

CORPORATE NEWS 6h ago
Trading ideas: IOIPG, Binastra, Sunway, IJM, CelcomDigi, Nestle...



From left: Lynette Yeow Su-Yin, Independent Non-Executive Director, Orkim; Zuhaida Zulkifli, Independent Non-Executive Director; Datuk Azman Ismail, Senior Independent Non-Executive Director; Datuk Abdul Hamid Sh Mohamed Chairman; Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Minister of Finance II; Captain Cheah Sin Bi, Chief Executive Officer, Orkim; Aliff Omar Mohamad Omar, Non-Independent Non-Executive Director; and Nasmiza Ismail, Independent Non-Executive Director

Sekilas Pandang Tahun 2025

Jumlah Portfolio Pelaburan Kumulatif

JUMLAH SYARIKAT
- LANGSUNG DAN PENYUMBERAN LUAR

49

JUMLAH PELABURAN KOMITED OLEH EKUINAS

RM5.1 BILION

Prestasi Objektif Sosial
- Gabungan Pelaburan Langsung Dan Program Penyumberan Luar

PENINGKATAN EKUITI BUMIPUTERA

RM7.1 BILION

1.6x modal dilaburkan

PERTAMBAHAN BUMIPUTERA DI PERINGKAT PENGURUSAN SEJAK PENYERTAAN EKUINAS

36.9%

PENINGKATAN JUMLAH NILAI YANG DIHASILKAN UNTUK PEMEGANG SAHAM

RM8.5 BILION

2.0x modal dilaburkan

PERTAMBAHAN PEKERJA BUMIPUTERA SEJAK PENYERTAAN EKUINAS

13.1%

Syarikat Pengurusan Dana

JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN (FuM)

RM4.5 BILION

NISBAH OPEX KEPADA FuM

1.1%

Sorotan Kewangan Utama Tahun 2025

1. DIVIDEN DIAGIHKAN KEPADA PNB

	2025 RM juta	2024 RM juta
Dividen diagihkan kepada PNB sepanjang tahun	**350.0**	–
Dividen terkumpul diagihkan kepada pemegang saham*	**670.0**	320.0

* *Merujuk kepada syarikat induk semasa dan terdahulu, iaitu PNB dan YEN masing-masing, yang mana dividen kemudiannya disalurkan kepada dana unit amanah PNB*

2. DANA-DANA YANG DITUBUHKAN

	Tahun Ditubuhkan	Saiz Dana RM juta	Tumpuan Pelaburan	Tempoh	Status Kedudukan
Dana Ekuinas Direct (Tranche I)	2010	1,000.0	Pemerolehan dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 + 1 tahun	Terealisasi Sepenuhnya
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	2012	1,000.0	Pemerolehan dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 + 1.5 + 2 + 2 + 1 + 1 tahun	Telah Dilaburkan
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	2014	1,500.0	Pemerolehan dan Modal Pertumbuhan	5 + 1 + 2 + 4 tahun	Telah Dilaburkan
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	2019	1,000.0	Pemerolehan dan Modal Pertumbuhan	5 + 4 tahun	Masih dalam Tempoh Pelaburan
Dana Asas Ekuinas (Tranche I)	2023	100.0	Modal Pertumbuhan	8 + 2 tahun	Telah Dilaburkan
Dana Kredit Persendirian Ekuinas	2024	800.0	Pinjaman	5 + 2 tahun	Masih dalam Tempoh Pelaburan
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	2011	400.0	Modal Pertumbuhan	6 + 1 + 1 + 1 + 1 + 1 + 1 + 1 + 1 tahun	Telah Dilaburkan
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	2013	240.0	Modal Pertumbuhan	7 + 1 + 1 + 1 + 1 + 1 tahun	Telah Dilaburkan

3. JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN

	2025 RM juta	2024 RM juta
Pelaburan Langsung	**4,400.0**	4,400.0
Penyumberan Luar	**120.0**	640.0
	4,520.0	5,040.0

Sorotan Kewangan Utama Tahun 2025

4. RINGKASAN PRESTASI DANA

a. Ringkasan Aktiviti Pelaburan Kumulatif

	Bilangan Pelaburan	Pelaburan Komited yang Dilaksanakan RM juta	Jumlah Modal Ekonomi Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia RM juta
2025			
Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Telah Direalisasikan	**11**	**1,258.2**	**1,380.3**
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	**16**	**1,074.9**	**1,074.9**
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	**22**	**1,717.1**	**1,717.1**
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	**5**	**513.2**	**513.2**
Dana Kredit Persendirian Ekuinas	**2**	**66.9**	**66.9**
Dana Asas Ekuinas (Tranche I)	**3**	**91.5**	**91.5**
Jumlah – Pelaburan Langsung	**59**	**4,721.8**	**4,843.9**
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	**15**	**264.0**	**708.4**
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	**8**	**75.6**	**140.6**
Jumlah – Penyumberan Luar	**23**	**339.6**	**849.0**
Jumlah – Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar	**82**	**5,061.4**	**5,692.9**

2024			
Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Telah Direalisasikan	11	1,258.2	1,380.3
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	16	1,074.9	1,074.9
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	22	1,717.1	1,717.1
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	3	465.5	465.5
Dana Kredit Persendirian Ekuinas	1	36.9	36.9
Dana Asas Ekuinas (Tranche I)	2	56.5	56.5
Jumlah – Pelaburan Langsung	55	4,609.1	4,731.2
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	15	264.0	708.4
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	8	75.6	140.6
Jumlah – Penyumberan Luar	23	339.6	849.0
Jumlah – Langsung dan Penyumberan Luar	78	4,948.7	5,580.2

4. RINGKASAN PRESTASI DANA (SAMBUNGAN)

b. Ringkasan Aktiviti Realisasi Kumulatif

	Bilangan yang Direalisasikan	Jumlah yang Direalisasikan RM juta
2025		
Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Telah Direalisasikan	**11**	**1,624.4**
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	**12**	**1,764.0**
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	**14**	**1,235.3***
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	**2**	**224.7**
Jumlah	**39**	**4,848.4**

2024		
Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Telah Direalisasikan	11	1,624.4
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	11	901.1
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	11	1,162.3*
Jumlah	33	3,687.8

* *Sebelum penyelesaian hutang*

c. Ringkasan Prestasi Kewangan Kumulatif

	Pulangan Kasar Portfolio RM juta	Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR)	IRR Bersih
Dana Langsung			
2025			
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	838.4	10.8%	7.7%
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	97.6	1.5%	-2.2%
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	432.1	54.7%	22.1%

2024			
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	925.4	12.0%	9.0%
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	88.3	1.6%	-2.5%
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	163.4	38.9%	6.5%

Sorotan Kewangan Utama Tahun 2025

4. RINGKASAN PRESTASI DANA (SAMBUNGAN)

c. Ringkasan Prestasi Kewangan Kumulatif (sambungan)

	Pulangan/ Kerugian Portfolio Kasar RM juta	Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR)	IRR Bersih
Dana Penyumberan Luar			
2025			
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	**74.5**	**3.8%**	**3.0%**
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	**(35.6)**	**-6.8%**	**-7.8%**
2024			
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	76.2	3.8%	3.1%
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	(35.0)	-6.9%	-8.0%

d. Prestasi Objektif Sosial - Gabungan Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar


	Ekuiti Bumiputera Dicipta		Jumlah Ekuiti Dicipta	
	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan
2025	**7,072.8**	**1.6x**	**8,559.3**	**2.0x**
2024	6,924.0	1.6x	8,800.3	2.0x

5. EKUITI NASIONAL BERHAD (SYARIKAT PENGURUSAN DANA)


	2025 RM juta	2024 RM juta
Jumlah Dana di Bawah Pengurusan (FuM)	**4,520.0**	5,040.0
Nisbah OPEX kepada FuM	**1.1%**	1.1%

Sorotan Kewangan Lima Tahun


Jumlah Nilai dan Bilangan Pelaburan Komited




Jumlah Modal Ekonomi Dilaburkan




Pelaburan Langsung - Jumlah Nilai Terealisasi dan Bilangan Pelupusan



Jumlah Ekuiti Bumiputera Dan Nilai Pemegang Saham Lain Yang Dicipta



Dana Di Bawah Pengurusan Dan Nisbah Fum Opex




Laporan Prestasi Pelaburan

A SECARA KESELURUHAN

1. Penggunaan Dana

MODAL DILABURKAN SEBANYAK RM3.8 BILION: RM5.7 BILION TEREALISASI



B PELABURAN LANGSUNG

1. Aktiviti Pelaburan Utama

a. Aktiviti Pelaburan Langsung untuk Tahun 2025

Ekuiti Persendirian

	Sektor
Bluesify Solutions Sdn Bhd	Teknologi

Kredit Persendirian

	Sektor
Dua (2) transaksi	Perindustrian dan Runcit

b. Aktiviti Utama Terealisasi bagi Tahun 2025

Ekuiti Persendirian

	Sektor
Orkim Sdn Bhd	Tenaga
Medispec Sdn Bhd	Penjagaan Kesihatan

Laporan Prestasi Pelaburan

B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

1. Aktiviti Pelaburan (sambungan)

b. Aktiviti Pelaburan Langsung Kumulatif setakat 31 Disember 2025

	RM Juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Modal Ekonomi yang Dilaburkan
Dana Ekuinas Direct (Tranche I)					
1	Alliance Cosmetics Group (ACG)	FMCG			
2	Tanjung Offshore Berhad (TOB)	Tenaga			
3	Konsortium Logistik Berhad (KLB)	Perkhidmatan			
4	Kumpulan Pendidikan APIIT (APIIT)	Pendidikan			
5	Kumpulan Burger King (BK)	Makanan & Minuman			
6	Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)	Makanan & Minuman	**1,258.2**	**122.1**	**1,380.3**
7	Revenue Valley Group (RV)	Makanan & Minuman			
8	Cosmopoint Group (Cosmopoint)	Pendidikan			
9	UNITAR International University (UNITAR)	Pendidikan			
10	Icon Offshore Berhad (ICON)	Tenaga			
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)					
1	Burger King Group (BKM & BKS)	Makanan & Minuman			
2	ICON^	Tenaga			
3	PrimaBaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz)	Pengilangan Makanan			
4	Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka)	Pendidikan			
5	SF*	Makanan & Minuman	**1,074.9**	**–**	**1,074.9**
6	RV	Makanan & Minuman			
7	Coolblog Apps Sdn Bhd (Coolblog)	Makanan & Minuman			
8	Orkim Sdn Bhd* (Orkim)	Tenaga			
9	Tenby Educare Sdn Bhd (Tenby)	Pendidikan			
10	Tranglo Sdn Bhd	Teknologi			

* *Termasuk pelaburan susulan*
^ *Sebelum penyatuan saham dan penerbitan terbitan hak pada Januari 2020*

B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

1. Aktiviti Pelaburan (sambungan)

b. Aktiviti Pelaburan Langsung Kumulatif setakat 31 Disember 2025 (sambungan)

RM Juta Syarikat Portfolio		Sektor	Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Modal Ekonomi yang Dilaburkan
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)					
1	MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd (Medix)	Penjagaan Kesihatan			
2	PMCare Sdn Bhd (PMCare)	Penjagaan Kesihatan			
3	ILMU Education Group (ILMU)	Pendidikan			
4	Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd (Al-Ikhsan)	Peruncitan			
5	ICON	Tenaga			
6	Davex (Malaysia) Sdn Bhd (Davex)	Pembuatan			
7	RV*#	Makanan & Minuman			
8	Cosmopoint#**	Pendidikan	**1,717.1**	**–**	**1,717.1**
9	UNITAR*#	Pendidikan			
10	ICON#	Tenaga			
11	Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG)*	Pembuatan			
12	Exabytes Capital Group Sdn Bhd (Exabytes)	Teknologi			
13	ICON+	Tenaga			
14	ICON+^~	Tenaga			
15	ICON	Tenaga			
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)					
1	Medispec (M) Sdn Bhd	Penjagaan Kesihatan			
2	Symbiotica Speciality Ingredients Sdn Bhd	Penjagaan Kesihatan			
3	Xenergi Sdn Bhd	Penyelesaian Kecekapan Tenaga	**513.2**	**–**	**513.2**
4	Orkim Sdn Bhd	Tenaga			
Dana Ekuinas Dana Asas (Tranche I)					
1	Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd (Kaisar Farmasi)	Penjagaan Kesihatan			
2	Mizou Holdings Sdn Bhd	Perdagangan Perindustrian	**91.5**	**–**	**91.5**
3	Bluesify Solutions Sdn Bhd	Teknologi			
	Jumlah Pelaburan Kumulatif yang Dilaksanakan		**4,654.9**	**122.1**	**4,777.0**

* *Termasuk pelaburan susulan*
\# *Pemindahan daripada Dana Ekuinas Direct (Tranche I)*
** *Termasuk pemerolehan kepentingan minoriti*
~ *Pemindahan daripada Dana Ekuinas Direct (Tranche II)*
\+ *Selepas penyatuan saham pada November 2023*
^ *Selepas penyatuan saham dan penerbitan terbitan hak pada Januari 2020*

Laporan Prestasi Pelaburan

B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

1. Aktiviti Pelaburan (sambungan)

b. Aktiviti Pelaburan Langsung Kumulatif setakat 31 Disember 2025 (sambungan)


Sektor	Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Modal Ekonomi yang Dilaburkan
Dana Kredit Persendirian Ekuinas			
Perindustrian	**66.9**	**–**	**66.9**
Peruncitan			
Jumlah Pelaburan Kumulatif Yang Dijalankan	**4,721.8**	**122.1**	**4,843.9**

B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)


1. Aktiviti Pelaburan (sambungan)

c. Analisis Komposisi Pelaburan – Aktif*

MENGIKUT SEKTOR



KOMPOSISI ASET



* *Tidak termasuk pemilikan <5%*


Laporan Prestasi Pelaburan

B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)


1. Aktiviti Pelaburan (sambungan)

c. Analisis Komposisi Pelaburan – Kumulatif

MENGIKUT SEKTOR



KOMPOSISI ASET



Syarikat Portfolio Sekilas Pandang

SYARIKAT PORTFOLIO SEKILAS PANDANG

UNITAR Education Group

Platform pendidikan tinggi Malaysia dengan penawaran program yang komprehensif serta capaian yang meluas di seluruh negara.

Pemerolehan: Mei 2012

Symbiotica Speciality Ingredients Sdn Bhd

Pengeluar Bahan Aktif Farmaseutikal (API) terkemuka Malaysia yang membekalkan input farmaseutikal bernilai tinggi kepada pelanggan di Malaysia dan lebih 70 negara.

Pemerolehan: April 2024

Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd

Peruncit pakaian dan peralatan sukan pelbagai jenama terkemuka di Malaysia.

Pemerolehan: Julai 2016

Mizou Holdings Sdn Bhd

Pengeluar dan pengedar jentera pertanian khusus bagi industri perladangan kelapa sawit.

Pemerolehan: Mei 2024

Flexi Versa Group Sdn Bhd

Penyedia EMS terkemuka dan pengeluar elektronik berasaskan penyelesaian bersepadu.

Pemerolehan: April 2018

Xenergi Sdn Bhd

Syarikat penasihat dan penyelesaian tenaga yang berpangkalan di Malaysia serta mengkhusus dalam tenaga boleh diperbaharui (RE), kecekapan tenaga (EE) dan penyelesaian mampan.

Pemerolehan: Julai 2024

Exabytes Capital Group Sdn Bhd

Penyedia penyelesaian digital terkemuka yang membantu perniagaan membina, mengembangkan dan mengekalkan kehadiran mereka dalam talian.

Pemerolehan: Mac 2019

Bluesify Solutions Sdn Bhd

Penyedia perkhidmatan keselamatan siber terurus (MSSP) terkemuka di Malaysia yang menawarkan penyelesaian keselamatan siber menyeluruh bagi melindungi sistem dan operasi kritikal.

Pemerolehan: Mac 2025

Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd

Rangkaian farmasi komuniti dengan penawaran produk dan perkhidmatan yang pelbagai.

Pemerolehan: Februari 2023

Portfolio dalam Fokus

Orkim Berhad: Memperkasa Rantaian Bekalan Tenaga Malaysia


Orkim merupakan pemilik dan pengendali utama kapal tangki produk petroleum ditapis (CPP) dan gas petroleum cecair (LPG), yang menyediakan perkhidmatan logistik marin penting merentasi laluan domestik dan serantau. Armadanya mengangkut bahan api bertapis termasuk petrol, diesel, bahan api jet dan LPG, menghubungkan kilang penapisan, terminal simpanan dan rangkaian pengedaran bagi memastikan pergerakan produk tenaga penting yang lancar dan boleh dipercayai.

Malaysia kekal sebagai pasaran teras Orkim, dengan operasi CPP meliputi laluan pesisir dan rentas sempadan, khususnya ke Singapura. Segmen LPG pula beroperasi di peringkat serantau menerusi pengaturan sewaan kapal, meliputi pasaran utama Asia termasuk Singapura, China dan Korea Selatan.

Orkim mengendalikan armada yang terdiri daripada 18 buah kapal, termasuk 16 kapal tangki CPP dan dua kapal tangki LPG, dengan jumlah kapasiti 239,186 DWT. Dengan purata usia armada yang masih muda, iaitu 12 tahun, syarikat berada pada kedudukan kukuh untuk memberikan kecekapan operasi, keselamatan dan perkhidmatan yang boleh dipercayai, secara konsisten.

Dengan kedudukan yang kukuh dalam segmen kapal tangki CPP di Malaysia, Orkim merupakan platform pertumbuhan berpotensi tinggi. Evolusinya daripada pengendali logistik marin kepada pemangkin utama rantaian bekalan tenaga Malaysia sejajar dengan mandat Ekuinas untuk membangunkan perusahaan tempatan berpotensi tinggi menjadi juara serantau.





Orkim IPO oversubscribed nearly 12 times ahead of Dec 5 debut

KUALA LUMPUR: Orkim Bhd's public portion of its initial public offering (IPO) has been oversubscribed by nearly 12 times ahead of its Main Market listing on Dec 5.

The marine transportation company's IPO of up to 400 million shares involved institutional offering of up to 372 million shares and retail offering of 28 million issue shares at 92 sen per share.



Orkim chairman Datuk Abdul Hamid Sh Mohamed (centre) and executive

Ekuinas-backed Orkim prices Main Market IPO at 92 sen, eyes RM920 mil market cap

BY JAZLIN ZAKRI & AMEERA FATHINA



(From left) Orkim Bhd non-executive dire
non-ED Datuk Azman Ismail, Non-ED Alif

NATIONALLY COMPETITIVE PLAYER

'Orkim listing showcases success of GLIC-led Bumiputera enterprise development'

KUALA LUMPUR: The government's initiatives to bolster the economy are yielding tangible results on the local stock exchange, particularly through programmes that help high-potential companies scale, said Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

He cited Orkim Bhd as a prime example of a coordinated support system that had transformed a Bumiputera-owned company into a nationally competitive player.

"If we take the example of Orkim, Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) entered new strategies for expansion before Permodalan Nasional Bhd (PNB) assumed the role of long-term steward.

He also said Orkim's listing reflected the growing strength of Malaysia's Bumiputera enterprise ecosystem and the effectiveness of government-linked investment companies (GLICs) in nurturing nationally competitive businesses.

He highlighted the success of the government's Generating Empowerment and Advancement for Resilient a press conference following Orkim's Main Market debut yesterday.

Meanwhile, Amir Hamzah pointed to strong investor confidence during the initial public offering (IPO), noting robust demand.

"I understand that oversubscriptions for the retail portion is about 13 times, while institutional demand is about three times the order book. The support is good."

On Orkim's industry role, Amir Hamzah said the company remained vital to Malaysia's energy security as a be said.

Orkim made a steady but subdued debut on Bursa Malaysia's Main Market, mirroring the cautious sentiment across the broader market.

The stock opened at its IPO price of 92 sen, marking a flat start as investors remained on the sidelines while awaiting clearer signals on market direction.

At that price, the oil-and-gas shipping company debuted with a market capitalisation of RM92 million.

Although its first-day performance was muted, analysts said the listing

Exabytes: Memacu Pertumbuhan Digital Mampan di Seluruh Asia Tenggara

Ditubuhkan pada tahun 2001, Exabytes merupakan penyedia penyelesaian digital terkemuka yang membolehkan perniagaan membina, mengembangkan dan mengekalkan kehadiran dalam talian mereka. Penawaran bersepadunya merangkumi pendaftaran domain, pengehosan web, pembangunan laman web, pelayan dan Pelayan Peribadi Maya (VPS), infrastruktur awan, pemasaran digital serta penyelesaian e-dagang.

Sebagai teras kepada operasinya, Exabytes memainkan peranan penting dalam mempercepat penggunaan digital dengan menyediakan penyelesaian awan yang boleh dipercayai, berskala dan berteraskan AI. Dengan mengintegrasikan infrastruktur awan bersama peralatan AI, analitik data dan automasi, Exabytes membantu perniagaan meningkatkan pengalaman pelanggan, mempertingkat kecekapan operasi dan membuat keputusan yang lebih tepat berdasarkan data.

Melayani lebih 110,000 pelanggan di seluruh dunia, Exabytes merupakan peneraju pasaran di Malaysia dengan kehadiran serantau yang kukuh di Singapura dan Indonesia. Exabytes menyokong perniagaan pelbagai saiz di seluruh Asia Tenggara, dengan aspirasi untuk membantu satu juta perniagaan berkembang secara digital menjelang tahun 2030.

Sebagai pemangkin utama dalam ekonomi digital serantau yang berkembang pesat, Exabytes mengendalikan ekosistem bersepadu sepenuhnya yang berteraskan domain, pengehosan dan perkhidmatan awan. Disokong oleh infrastruktur teknologi yang berskala dan berdaya tahan, syarikat memainkan peranan penting dalam memacu agenda pendigitalan Malaysia sambil membolehkan pertumbuhan perniagaan mampan untuk jangka panjang.



Portfolio dalam Fokus

Symbiotica Speciality Ingredients: Memacu Pengembangan Input Farmaseutikal Bernilai Tinggi Malaysia

Symbiotica Speciality Ingredients Sdn Bhd (Symbiotica) merupakan pengeluar Bahan Aktif Farmaseutikal (API) terkemuka Malaysia yang membekalkan input farmaseutikal bernilai tinggi kepada pelanggan di Malaysia dan lebih 70 negara. Sebagai pengeluar API tempatan, Symbiotica memainkan peranan strategik dalam memperkukuh keupayaan domestik dalam rantaian nilai farmaseutikal global.

Berpangkalan di Seberang Perai, Pulau Pinang, dengan kemudahan pembuatan dan penyimpanan di Kulim, Kedah, Symbiotica mengkhusus dalam pengeluaran API corticosteroid dan hormon steroid, iaitu komponen terapeutik penting yang digunakan dalam formulasi farmaseutikal bagi aplikasi manusia dan veterinar.

Symbiotica diiktiraf atas komitmennya yang kukuh terhadap kualiti, keselamatan dan pematuhan kawal selia. Symbiotica mematuhi piawaian pembuatan antarabangsa yang ketat, dengan pensijilan daripada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan atau *NPRA* Malaysia, di samping memenuhi keperluan kawal selia yang ditetapkan oleh pihak berkuasa global seperti *United States Food and Drug Administration* (US FDA) dan *Pharmaceuticals and Medical Devices Agency* (PMDA) Jepun. Kelayakan ini meletakkan Symbiotica sebagai pembekal yang dipercayai dalam pasaran yang dikawal selia secara ketat.

Selaras dengan *New Industrial Master Plan* 2030 (NIMP 2030) Malaysia, Symbiotica berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan dorongan nasional ke arah pembuatan farmaseutikal bernilai tambah tinggi. Ketika Malaysia berusaha mengurangkan kebergantungan terhadap import dan memperkukuh daya tahan rantaian bekalan, keupayaan Symbiotica yang disokong oleh pelaburan berterusan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), bakat serta pembangunan ekosistem meletakkannya sebagai penyumbang utama kepada aspirasi negara untuk menjadi hab serantau bagi pengeluaran API khusus.



UNITAR Education Group: Memperkasa Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Tenaga Kerja Masa Hadapan

UNITAR Education Group merupakan institusi pendidikan tinggi bersepadu Malaysia yang komited dalam memperluas akses kepada pembelajaran yang fleksibel dan relevan dengan industri. Ditubuhkan pada tahun 1997, UNITAR telah berkembang menjadi kumpulan pendidikan pelbagai institusi yang memperjuangkan pembelajaran sepanjang hayat merangkumi pelbagai segmen pelajar, daripada lepasan sekolah hingga golongan pekerja profesional.

Pada tahun 2024, susulan konsolidasi oleh Ekuinas, UNITAR memperluas platform pendidikannya melalui pemerolehan Cosmopoint College dan Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC), yang kini dijenamakan semula sebagai UNITAR College dan UNITAR University College Kuala Lumpur (UUCKL). Integrasi ini mengukuhkan kedudukan UNITAR sebagai institusi pendidikan berskala besar dengan penawaran program yang lebih komprehensif serta capaian yang lebih meluas di seluruh negara.

Beroperasi dari kampus utamanya di Selangor dan disokong oleh 10 pusat serantau, UNITAR menawarkan program pengajian daripada peringkat asas hingga ijazah kedoktoran, di samping kursus mikrokredensial yang direka khusus untuk peningkatan kemahiran dan latihan semula tenaga kerja.

Melalui kaedah penyampaian yang fleksibel termasuk pembelajaran konvensional, dalam talian dan hibrid, UNITAR menyediakan laluan pendidikan berterusan untuk individu dan organisasi. Tumpuannya terhadap kebolehpasaran graduan, pembelajaran digital dan keselarasan industri menjadikannya pemangkin utama dalam pembangunan tenaga kerja untuk menyokong ekonomi Malaysia yang terus berkembang.



Bluesify Solutions Sdn Bhd: Memperkukuh Perlindungan Infrastruktur Digital dalam Landskap Ancaman yang Semakin Kompleks

Ditubuhkan pada tahun 2012, Bluesify merupakan penyedia perkhidmatan keselamatan siber terurus (MSSP) terkemuka di Malaysia yang menawarkan penyelesaian keselamatan siber menyeluruh bagi melindungi sistem dan operasi kritikal. Keupayaannya merangkumi *Security Information and Event Management (SIEM), Endpoint Detection and Response (EDR)* serta perkhidmatan *Security Operations Centre (SOC)*, disokong oleh gabungan perkhidmatan terurus, khidmat nasihat profesional dan sokongan berterusan.

Bluesify menyediakan perkhidmatan kepada pangkalan pelanggan yang pelbagai merentasi sektor perkhidmatan kewangan, tenaga dan infrastruktur, syarikat tersenarai awam dan syarikat persendirian, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta badan berkanun. Dengan pengalaman melebihi satu dekad, Bluesify memainkan peranan penting dalam membantu organisasi mengesan, bertindak balas terhadap ancaman dan mengurangkan risiko ancaman siber yang semakin canggih.

Diakreditasi dengan ISO 27001 dan *Council of Registered Ethical Security Testers (CREST)*, Bluesify mengamalkan pendekatan proaktif dan bersepadu terhadap keselamatan siber dengan menggabungkan teknologi maju bersama kepakaran teknikal yang mendalam. Model berteraskan pelanggan serta komitmen terhadap penambahbaikan berterusan membolehkan Bluesify memperkukuh daya tahan dan mengekalkan integriti operasi dalam persekitaran digital yang giat berkembang.

Dengan pengenalan Akta Keselamatan Siber 2024, jangkaan kawal selia terhadap pengendali infrastruktur kritikal semakin meningkat. Sebagai MSSP berskala dengan keupayaan SOC yang mantap, Bluesify berada pada kedudukan yang kukuh untuk membantu organisasi dalam usaha pematuhan sambil memperkukuh tahap keselamatan siber mereka secara menyeluruh.







BAB 4

ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS

Memperkukuh Impak Melalui Pendekatan ESG yang Berdisiplin 74

– Kerangka ESG Ekuinas
– Empat Tema dan Sasaran Kelestarian Kami

Alam Sekitar - Memacu Laluan Terukur ke Arah Sifar Bersih 78

ILTIZAM - Menyemai Tujuan, Menggerakkan Tindakan Untuk Impak Sosial 80

– ILTIZAM untuk Keusahawanan
– ILTIZAM untuk Pendidikan
– ILTIZAM untuk Komuniti

Penyata Tadbir Urus Korporat 98

– Laporan Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko
– Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman

Memperkukuh Impak Melalui Pendekatan ESG yang Berdisiplin

Di Ekuinas, mandat kami untuk meningkatkan penciptaan kekayaan Bumiputera secara saksama dan mampan terus menjadi panduan dalam usaha kami mencipta nilai jangka panjang. Sebagai firma modal persendirian berkaitan kerajaan, kami mengiktiraf bahawa prestasi kewangan dan hasil kemampanan saling berkait rapat. Oleh itu, pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) diterapkan dalam pendekatan pelaburan, operasi serta pembangunan syarikat portfolio kami.


Pendekatan ESG Ekuinas berteraskan rangka kerja yang tersusun, yang menghubungkan mandat kami dengan kitaran pelaburan, keutamaan operasi dan amalan tadbir urus. Pendekatan ini mencerminkan peranan kami bukan sahaja sebagai pelabur, malah sebagai pemegang amanah perniagaan yang berupaya mempengaruhi hasil kemampanan merentasi pelbagai industri.

Kami memberi tumpuan kepada empat **(4) tema kemampanan teras** iaitu memperkasa usahawan, komuniti tempatan dan golongan kurang berkemampuan; memupuk inovasi perniagaan serta pembangunan modal insan; kebertanggungjawaban terhadap alam sekitar dalam setiap tindakan; serta menerapkan tadbir urus yang baik dan prinsip etika. Setiap tema ini disokong oleh sasaran yang jelas serta sejajar dengan keutamaan negara dan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG) yang dipilih.

Impak sosial kekal menjadi keutamaan kami. Kami terus menyampaikan hasil yang boleh diukur dalam bidang keusahawanan, pendidikan dan pembangunan komuniti melalui ILTIZAM, platform impak sosial kami. Program-program ILTIZAM telah **menjangkau seluruh negara merangkumi kesemua 14 negeri, membawa manfaat kepada lebih daripada 10,405 individu.** Antara hasilnya ialah peningkatan kebolehpasaran pekerjaan yang memberangsangkan menerusi pelbagai inisiatif pembangunan kemahiran dan latihan.

Tadbir urus dan disiplin menjadi asas kepada segala yang kami laksanakan. Sebagai firma modal persendirian, kami memberi penekanan yang kukuh terhadap akauntabiliti, ketelusan dan pengurusan risiko merentasi operasi kami. Kami terus mengekalkan **rekod sifar insiden rasuah dan penyuapan**, mencerminkan kekukuhan rangka kerja tadbir urus dan kawalan dalaman kami di Ekuinas, juga di syarikat portfolio.

Dari sudut alam sekitar, tumpuan kami kekal kepada usaha mencapai **neutraliti karbon menjelang tahun 2030**, di samping memperkukuh pengukuran dan pengurusan pelepasan karbon. Sejak tahun 2022, pelepasan karbon Skop 1 dan Skop 2 di Ekuinas dan syarikat portfolionya menunjukkan trend penurunan secara beransur-ansur, mencerminkan kemajuan awal dalam usaha kelestarian alam sekitar.







Pendekatan Portfolio: Berfasa dan Berteraskan Kepentingan Utama

Kami mengamalkan pendekatan ESG yang pragmatik dan dilaksanakan secara berfasa. Syarikat portfolio kami merangkumi pelbagai sektor dengan tahap kematangan ESG yang berbeza-beza. Oleh itu, pendekatan ESG kami bukan bersifat seragam untuk semua. Keutamaan diberi kepada aspek yang paling material bagi setiap syarikat, dengan menerapkan amalan asas terlebih dahulu sebelum melangkah kepada inisiatif yang lebih maju.

Sorotan Kemajuan ESG Sepanjang 2025

Sehingga tahun 2025, sebanyak 91% daripada sasaran ESG korporat Ekuinas telah diselesaikan atau berada pada landasan yang digariskan, mencerminkan kemajuan yang konsisten dalam penerapan amalan ESG di Ekuinas serta syarikat-syarikat portfolionya. Walaupun pelaksanaan berbeza mengikut tahap pertumbuhan dan transformasi setiap syarikat, penerapan ESG secara keseluruhan terus diperkukuh, dengan majoriti syarikat portfolio mencatat kemajuan yang bermakna terhadap sasaran ESG masing-masing.

Dalam kalangan syarikat portfolio, UNITAR Education Group serta beberapa syarikat portfolio yang lebih matang telah menunjukkan prestasi ESG yang kukuh, dengan pencapaian tinggi dalam pelaksanaan sasaran serta kemajuan yang konsisten merentasi bidang kemampanan utama. Ini mencerminkan keberkesanan pendekatan yang dilaksanakan secara berfasa dan berasaskan kepentingan utama, di mana syarikat portfolio yang lebih matang berupaya mempercepatkan pelaksanaan integrasi ESG.

Secara keseluruhannya, tumpuan kami kekal kepada usaha memacu hasil yang konsisten, boleh diukur dan bermakna, sambil menyokong syarikat portfolio pada pelbagai peringkat perjalanan ESG masing-masing.

Kerangka ESG Ekuinas

MENJADI SYARIKAT PENGURUSAN MODAL EKUITI PERSENDIRIAN BERTARAF DUNIA

Untuk mewujudkan generasi syarikat peneraju Malaysia sambil mempromosikan penciptaan kekayaan Bumiputera dan penyertaan ekonomi secara saksama dan mampan berdasarkan prinsip mesra pasaran, merit dan ketelusan.

Membantu membangunkan usahawan komuniti tempatan dan golongan kurang berkemampuan

Semua negeri di Malaysia menerima manfaat daripada program ILTIZAM merentasi ketiga-tiga teras serta Zakat Wakalah.

Sekurang-kurangnya 90% peserta Program Pembangunan Profesional (PDP) memperoleh pekerjaan tetap dalam tempoh 12 bulan selepas menamatkan program.

Sekurang-kurangnya 80% peserta yang dilatih menerusi program pembangunan kemahiran ILTIZAM memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam (6) bulan selepas menamatkan program.

Semua perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang disokong di bawah EMP Advance mencatat peningkatan hasil dalam tempoh dua (2) tahun selepas tamat program.

Memupuk inovasi perniagaan dan pembangunan modal insan

100% syarikat portfolio melaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) inisiatif digital atau teknologi yang signifikan dalam tempoh lima (5) tahun selepas pemerolehan.

100% kakitangan Ekuinas dan syarikat portfolio menerima latihan yang mencukupi dan relevan bagi melaksanakan tugas masing-masing dengan berkesan.

Ekuinas dan semua syarikat portfolio mengesahkan komitmen terhadap piawaian hak asasi manusia merentasi keseluruhan operasi.

Mengutamakan tanggungjawab terhadap alam sekitar dalam setiap tindakan

Mencapai keneutralan karbon menjelang 2030

Menerapkan tadbir urus yang baik dengan prinsip-prinsip etika

Mencatat rekod sifar (0) rasuah dan penyelewengan di seluruh operasi

(UNSDG) yang Diutamakan



Perlepasan GHG	Pengurusan tenaga	Pengurusan air dan sisa	Pemerolehan sumber bekalan yang bertanggungjawab	Impak ekologi
Hak asasi manusia & hubungan komuniti	Privasi data	Kebajikan pelanggan dan kualiti produk	Amalan buruh dan persekitaran kerja	
Amalan perniagaan yang beretika	Penglibatan kakitangan, kepelbagaian & keterangkuman	Kesinambungan perniagaan dan pengurusan risiko		

Empat Tema dan Sasaran Kelestarian Kami

Kerangka ESG kami berteraskan empat (4) tema kelestarian utama yang menjadi prinsip dan panduan kami.

1	2	3	4
Membangunkan usahawan, komuniti tempatan dan golongan kurang berkemampuan	Memupuk inovasi perniagaan dan pembangunan modal insan	Mengutamakan tanggungjawab terhadap alam sekitar dalam setiap tindakan	Menerapkan tadbir urus yang baik serta prinsip-prinsip etika

Pasukan Petugas ESG kami bertanggungjawab untuk menyelaras dan menerapkan rangka kerja ESG di Ekuinas serta syarikat portfolio kami.

Dianggotai oleh wakil daripada jabatan-jabatan utama, Pasukan Petugas memainkan peranan penting dalam memperkukuh agenda kemampanan serta memacu komitmen di seluruh organisasi dan syarikat portfolio. Pasukan Petugas ini bersidang setiap suku tahun untuk menilai kemajuan, memperincikan perkembangan terkini mengenai inisiatif yang sedang dijalankan dan membantu menangani isu dan cabaran yang timbul dengan segera.

Membangunkan Usahawan, Komuniti Tempatan dan Golongan Kurang Berkemampuan

Sejak penubuhannya pada tahun 2012, ILTIZAM komited untuk memperkukuh perniagaan Bumiputera, memperkasa belia serta meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi komuniti, di seluruh Malaysia. Pada tahun 2024, kami mencatat pencapaian yang baik, selaras dengan matlamat jangka panjang kami:

- Jangkauan Seluruh Negara
- Pekerjaan Tetap untuk Graduan PDP: Sekurang-kurangnya 90% graduan-graduan lepasan Program Pembangunan Profesional (ILTIZAM PDP) mendapat pekerjaan dalam tempoh 12 bulan selepas menamatkan program.
- Perkerjaan Berasaskan Latihan Kemahiran: Sekurang-kurangnya 80% peserta yang dilatih memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam (6) bulan selepas menamatkan program-program pembangunan kemahiran ILTIZAM.
- Pertumbuhan Hasil dalam kalangan PMKS yang disokong: Semua perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang disokong di bawah program ILTIZAM Advance dijangka mencatat peningkatan hasil sekurang-kurangnya 15% dalam tempoh dua (2) tahun selepas program.

Memupuk Inovasi Perniagaan dan Pembangunan Modal Insan

- Pendigitalan: Semua syarikat portfolio melaksanakan dua (2) inisiatif digital atau teknologi utama dalam tempoh lima (5) tahun selepas pemerolehan.
- Pembangunan Bakat: Sekurang-kurangnya 50% kakitangan Ekuinas dan syarikat portfolionya menerima latihan yang mencukupi dan relevan.
- Pematuhan Hak Asasi Manusia: Ekuinas dan 100% syarikat portfolio mencatatkan sifar (0) insiden pelanggaran piawaian buruh di seluruh operasi (selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan).

Mengutamakan Tanggungjawab Terhadap Alam Sekitar dalam Setiap Tindakan

Ekuinas kekal komited terhadap pemeliharaan alam sekitar. Kami terus memacu integrasi dan penerapan kerangka ESG kami di seluruh organisasi, syarikat portfolio, dan ekosistem yang lebih luas yang kami pengaruhi. Pada tahun 2024, kami mencatat kemajuan yang memberansangkan ke arah pencapaian matlamat alam sekitar jangka panjang kami:

- Mencapai Neutraliti Karbon menjelang 2030. Mengekalkan pengumpulan data pelepasan karbon Skop 1 dan Skop 2 pada kadar 100% bagi Ekuinas dan syarikat portfolio.

Menerapkan Tadbir Urus yang Baik Serta Prinsip-Prinsip Etika

Ekuinas kekal komited untuk mengekalkan piawaian tadbir urus korporat yang tertinggi melalui pelaksanaan struktur, dasar dan kerangka tadbir urus yang kukuh secara konsisten di seluruh organisasi serta syarikat portfolio kami. Pada tahun 2024, kami terus mencatat kemajuan dalam memperkukuh tadbir urus dan etika perniagaan melalui pencapaian berikut:

- Mengekalkan sifar (0) insiden rasuah dan penyelewengan di seluruh Ekuinas dan syarikat portfolionya.

ALAM SEKITAR: Memacu Laluan Terukur Ke Arah Sifar Bersih



Ekuinas kekal komited dalam menyokong peralihan Malaysia ke arah masa depan rendah karbon dan mampan. Pendekatan alam sekitar kami dipandu oleh rangka kerja dasar nasional serta sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa, bagi memastikan usaha kami kekal relevan dalam landskap kemampanan yang sentiasa berkembang.

Berteraskan Kerangka ESG kami, aspirasi jangka panjang kami adalah untuk mencapai **neutraliti karbon menjelang tahun 2030**. Walaupun jejak langsung kami sebagai entiti korporat adalah agak terhad, peranan kami sebagai pelabur membolehkan kami mempengaruhi prestasi alam sekitar di seluruh syarikat portfolio kami.

Pendekatan kami bertumpu kepada pembinaan asas alam sekitar yang kukuh, dengan memberi keutamaan kepada pengukuran, ketelusan dan tindakan yang bersasar.

- Mengekalkan **pengumpulan data pelepasan karbon Skop 1 dan Skop 2 yang hampir menyeluruh** merentasi Ekuinas dan majoriti syarikat portfolio
- Menjejaki prestasi pelepasan karbon di seluruh portfolio, yang terus **menunjukkan trend penurunan pada kadar CAGR sekitar 3% (2022–2025E)**
- Mengekalkan penambahbaikan daripada tahun-tahun sebelumnya, dengan pelepasan merentasi Ekuinas dan syarikat portfolio menunjukkan trend **penurunan sejak tahun 2022**
- Melaksanakan **audit tenaga di beberapa syarikat portfolio terpilih** bagi mengenal pasti peluang kecekapan dan pengurangan pelepasan
- Memperkukuh pemantauan indikator operasi seperti **penggunaan tenaga, intensiti pelepasan dan penggunaan sumber**

Sebagai sebuah syarikat pelaburan, pelepasan karbon Ekuinas sendiri kekal pada tahap yang relatif rendah, dengan prestasi sebahagian besarnya dipengaruhi oleh penggunaan elektrik dan penggunaan kenderaan korporat yang terhad. Di peringkat portfolio pula, profil pelepasan berbeza secara ketara bergantung kepada pendedahan sektor, khususnya dalam industri berintensiti tenaga yang memerlukan intervensi yang lebih disesuaikan serta laluan peralihan jangka panjang.

Oleh itu, strategi alam sekitar kami kekal bersifat **praktikal dan berfokus**, dengan memberi tumpuan kepada pemacu impak yang paling utama dalam setiap perniagaan.

Dalam usaha ini, kami terus memberi fokus kepada:

- Memperkukuh **ketepatan dan liputan data**, termasuk melibatkan syarikat portfolio baharu
- Melangkah ke arah laluan **pengurangan pelepasan karbon yang lebih tersusun**, termasuk penjajaran dengan pendekatan berasaskan sains
- Memperluas **inisiatif kecekapan tenaga dan penambahbaikan operasi**
- Menyokong syarikat portfolio dalam menerapkan **amalan pengurusan alam sekitar yang selaras dengan sasaran ESG**

Walaupun perjalanan kami ke arah sifar bersih dilaksanakan secara berperingkat, kami kekal komited untuk mengambil langkah yang **terukur dan berwibawa**, dengan mengimbangi realiti operasi serta aspirasi kemampanan jangka panjang.



SOSIAL: Menyemai Tujuan Menggerakkan Tindakan

iltizam by ekuinas

